

PENGURUSAN EKOLOGI MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

Ahmad Misbah Mohamad Hilmi, Mohamad Yusof Niteh, Lokman Abd. Mutalib
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Abstrak

Alam ini dicipta Allah SWT sebagai tempat hidup manusia. Manakala fenomena alam, bala penyakit dimana-mana sebagai kesan dari sistem ekologi yang telah rosak kerana kurang pengetahuan menjaga lingkungan kehidupan. Oleh itu Islam diturunkan adalah bertujuan membawa keselamatan dan kesejahteraan penghuni alam. Syariat Islam dengan bersumber petunjuk nas *ilahi* pula menjadi dasar dan teras dalam mengurus tadbir ekologi manusia. Pemahaman tentang dasar pengurusan ekologi akan dapat menyumbang ke arah pemuliharaan alam sekitar. Justeru manusia merupakan satu-satunya makhluk Allah SWT yang istimewa kerana terpilih sebagai khalifah-Nya di muka bumi untuk mengurus ekologi ini. Amalan pengurusan ekologi merupakan satu elemen yang telah dipraktikkan sejak zaman Nabi Adam a.s. hingga sekarang adalah berpaksikan nilai keadilan.

Kata kunci: Pengurusan Ekologi, Hukum Islam

1.0 PENDAHULUAN

Kehidupan di akhir zaman ini, kita di uji dengan kemunculan berbagai jenis fenomena alam, bala penyakit dimana-mana sebagai implikasi dari sistem ekologi yang telah rosak kerana sikap manusia kurang pengetahuan menjaga lingkungan kehidupan. Pada dasarnya alam ini dicipta untuk makhluk yang bernama manusia bagi mengurus tadbir alam ini agar menjadi tempat yang makmur dan tempat pengabdian kepada Allah SWT. Manusia dicipta untuk menghuni dan mengurus bumi. Dalam hadis Nabi SAW menyatakan hubungan manusia dengan alam ini sangat rapat:

الناس شركاء في ثلاث الماء والكلاء و النار.¹

Manusia berkongsi pada tiga perkara iaitu air, padang ragut dan api.

Ketiga-tiga sumber dari alam tersebut adalah pelengkap dan kemudahan yang telah disediakan Allah swt untuk kehidupan manusia. Oleh itu manusia perlu tahu bagaimana memanfaatkan pelbagai sumber alam ini.

2.0 KONSEP EKOLOGI DALAM ISLAM

Asal kata ekologi merupakan dua kata bahasa Yunani yang bergabung iaitu *oikos* bererti rumah[tempat hidup] dan *logos* bererti ilmu. Secara etimologis ekologi bermaksud ilmu yang berkaitan makhluk hidup dan rumahtangganya atau dalam pengertian lain ilmu mempelajari hubungan timbal balik antara makhluk hidup dan lingkungannya[alam sekelilingnya]. Menurut Islam kalimah '*ekologi*' jika difahami dari sumber bahasa arab berasal dari maksud

¹ Soleh 'abd 'aziz. 2000. *Mausu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah*. Riyad ; Darul Salam lil nasr wa tauzi'. Hlm. 2625. Lihat juga dalam al- 'asqalani.1995. *Al-talkhis al-habir*. Bab lhya' al-mawat. No hadis 1338. Muassasah Qurtubah. Juz. 4. Hlm.17.

al-biah [البيئة]. Manakala dalam sumber al-Quran dan al-Sunnah tidak dinyatakan secara terang kalimah *al-biah* [البيئة] tetapi disebut dalam al-Quran dengan kata lafaz *bawa'a* [بوا] seperti dalam firman Allah swt dalam al-a'raf:74:

وبوأكم في الأرض تتخذون من سهولها قصورا وتحتون الجبال بيوتا

“dan ditempatkan kamu di bumi [diberi kemudahan] utuka kamu membina istana-istana di tanah yang rata dan kamu memahat gunung-ganang untuk dijadikan rumah”

Menurut segi bahasa dalam *Mu'jam al-Wasit*; *al-biah* bermaksud *al-manzil*[kediaman] *wa al-hal* [keadaan] juga disebut dengan makna *biat thobiah*[hal/keadaan baik] *wa biat ijtima'iah*[hal/keadaan masyarakat] *wa biat siyasiah*[hal/keadaan pemerintahan].² Namun para pengkaji moden telah meletakkan banyak definisi *al-biat* dalam ilmu dengan maksud yang luas.³

Manakala menurut istilah pula terdapat perbezaan dalam sumber al-Quran dan pandangan ahli ilmu, antaranya:

- (a) Menurut al-Quran; Ciptaan Ekologi[*al-biat*] ini telah dinyatakan dalam surah *al-Baqarah:22*⁴, *al-Ankabut:19-20*⁵, *Lokman:10*⁶. Keterangan ayat-ayat itu bermaksud bahawa setiap ciptaan Allah SWT dalam alam ini telah ditentukan qadarnya, dan sifatnya. Allah SWT telah menetapkan segala sesuatu di alam ini lengkap dengan cara dan sistem operasinya mengikut *tabi'e*, tidak ada kuasa lain dalam hal ini.
- (b) Hasil Seminar Ekologi Manusia di Stokhom pada tahun 1973, iaitu pengenalan ekologi adalah “Himpunan Peraturan Semulajadi, Kemasyarakatan dan Kebudayaan yang hidup di dalamnya manusia dan objek-objek lain yang saling bersandar sumber bagi meningkat aktiviti mereka”.⁷

2.2 Sifat-Sifat Ekologi Menurut Islam

Segala yang wujud di alam ini sama ada yang dapat dilihat atau sebaliknya adalah wujud secara **berpasangan**. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud:

"Dialah yang mencipta langit dan bumi, Ia menjadikan bagi kamu pasang-pasangan dari jenis kamu sendiri dan menjadikan dari jenis binatang-binatang berpasangpasangan bagi binatang-binatang itu"

(as-Syura:11)

2 Al-Mu'jam al-Wasit. Jld 1. Hlm 75

3 i. Al-Biat dengan makna “ruang atau lapangan tempat baginya mempunyai ciri-ciri khusus dan kehidupan yang tertentu”.lihat Dr. Musa . al-Talwas al-Bi'e. hlm. 18.

ii. Al-Biat dengan maksud “setiap apa yang meliputi dengan manusia di dalam alam ini samada dari perkara yang zahir dan elemen yang berfizikal atau yang dirasakan oleh manusia”. Lihat Dr. al-Salum. Al-Biat wa al-Tanmiah. Hlm. 11

iii. al- Biat dengan maksud “pusat[kawasan utama] yang meliputi segala perkara dengan manusia samada dari sudut fizikal atau non fizikal, berupa kehidupan atau tidak.”lihat al-arnawut. Al-Insan wa al-Talwas al-Biat. Hlm. 17.

4 Al- Baqarah 22; الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

5 Al- Ankabut 19-20 ; أَوَلَمْ يَرَوْا كَيْفَ يُبْدِئُ اللَّهُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ (١٩) قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ بَدَأَ الْخَلْقَ ثُمَّ اللَّهُ يُنشِئُ النَّشْأَةَ الْآخِرَةَ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (٢٠)

6 Lokman 10; خَلَقَ السَّمَاوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا وَالْأَرْضَ فِي الْأَرْضِ رَوَاسِي أَنْ تُمِيدَ بِكُمْ وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ

7 Dr. al-Hifar. 1431h. Al- Biah min ajli al-baqa. Dar- as-Saqaf ah lilnasyr wal tauzi'. Hlm. 62

Kehidupan isi alam tidak akan sempurna dan berkembang tanpa wujudnya kehidupan berpasangan. Lautan yang luas terbentang akan sempurna apabila wujudnya daratan, begitu juga dengan peralihan siang kepada malam yang juga merupakan pelengkap kepada kehidupan manusia. Antara maksud ayat-ayat lain yang menggambarkan alam bersifat *azwaj* ialah firman Allah SWT yang bermaksud:

"Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya). Dan Ia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar untuk kepentingan kemudahan kamu dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu"

(Ibrahim,: 32-33)

Seimbang iaitu sesuatu yang kadarnya tidak terlebih atau terkurang. Kesimetrian yang wujud di alam ini membentuk tawazun atau keseimbangan iaitu suatu fenomena yang tidak melampau. Allah SWT menjadikan makhlukNya dengan sifat keseimbangan dan disertai dengan ukuran yang sesuai dengan tujuan untuk kelangsungan hidup mereka. Keseimbangan akan berlaku melalui peranan tertentu setiap ciptaan Allah SWT, umpamanya tumbuh-tumbuhan secara fitrahnya melepaskan gas oksigen, manakala manusia dan haiwan pula menyedutnya. Seterusnya manusia dan haiwan pula melepaskan gas karbon dioksida, tumbuhan pula menyedutnya. Keseimbangan ini akan terus berlaku apabila khazanah alam terus terpelihara. Perkara ini secara jelas dinyatakan oleh Allah SWT yang bermaksud:

"Dan tidak ada sesuatu pun melainkan pada sisi Kami sahaja khazanahnya dan Kami tidak menurunkannya melainkan dengan menurut kadar dan masa tertentu"

(Al-Hijr: 21)

Terdapat ayat Al-Quran yang menyebut secara khusus bahawa unsur alam ini telah ditentukan kadarnya sebagai contoh kadar air hujan yang diturunkan untuk kehidupan segala makhluk. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan tertentu, serta Kami tempatkan dia tersimpan di bumi, dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya"

(al-Mukminun: 6)

Sifat *Nasim* atau **segar** merupakan lambang rahmat Allah SWT kepada kehidupan. Kesegaran alam ini dapat dirasai melalui tiupan angin dan penurunan air hujan. Sifat nasim ini turut digambarkan oleh Al-Quran melalui kesuburan tanah yang menampilkan kehijauan dan kesuburan tumbuhan di kawasan lembah dan gunung ganang. kesuburan pokok melalui kehijauan warna yang melambangkan kesegaran. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih berganti malam dan siang, bahtera yang belayar di lautan membawa muatan berguna bagi manusia dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati. (al-Baqarah: 164)

Alam sekitar yang segar dan bersih amat penting bagi manusia untuk pertumbuhan mental, fizikal dan jiwa yang aman. Kesegaran alam semula jadi berkait rapat dengan manusia dan dapat memberikan ketenangan dan kedamaian pada jiwa mereka. Selain daripada zikrullah, Al-Quran juga menyarankan kaedah alternatif untuk mengurangkan ketegangan yang dialami seseorang. Antara kaedah tersebut ialah dengan berkhalwat atau bersendirian di tempat tertentu yang mempunyai unsur kesegaran alam. Firman Allah SWT bermaksud:

"Maka Maryam hamillah, lalu ia memencilkan diri dengan kandungannya itu ke sebuah tempat yang jauh " (Maryam: 22)

Ayat di atas menggambarkan tentang keadaan seorang wanita yang tertekan jiwanya lantaran kerana mengandung tanpa suami. Untuk merawat jiwanya itu beliau telah memencilkan diri di suatu tempat yang jauh daripada orang ramai. Apa yang ingin diketengahkan di sini ialah tempat yang dipilih oleh Maryam itu mempunyai ciri-ciri kesegaran seperti air sungai yang bersih dan mengalir serta di kelilingi dengan pepohon tamar yang buahnya sedang masak segar. Perkara ini dinyatakan oleh Allah SWT melalui surah Maryam: 24-26 yang bermaksud:

"Lalu is diseru dari sebelah bawahnya: Janganlah engkau berdukacita (wahai Maryam), sesungguhnya Tuhanmu telah menjadikan di bawahmu sebatang anak sungai. Dan gearlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah yang masak. Maka makan dan minumlah serta bertenang hatilah dari segala yang merungsingkan "

Berdasarkan beberapa maksud ayat di atas dapat dirumuskan bahawa sifat alam yang bersih dan segar memainkan peranan penting terhadap perkembangan diri manusia sama ada dari segi mental, fizikal dan emosi.

3.0 PENGURUSAN EKOLOGI MENURUT ISLAM

Islam adalah satu agama yang syumul dan lengkap merangkumi seluruh aspek kehidupan. Pengurusan merupakan salah satu daripada aspek kesyumulan yang sangat dititikberatkan dalam Islam. Ia merupakan sebahagian daripada sistem masyarakat. Islam telah menentukan matlamat hidup⁸ dan bagaimana hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Semuanya ini termasuk di dalam erti pengabdian kepada Allah SWT. Pengurusan adalah satu proses melakukan dan menyempurnakan kerja melalui fungsi-fungsi pengurusan secara fitrah – sifat semula jadi – melalui dan bersama orang lain dalam usaha untuk mencapai objektif kerja secara berkesan⁹ dan ia adalah satu elemen penting dalam sistem masyarakat. Oleh itu pengurusan adalah merupakan satu amanah dan tanggungjawab kifayah bagi menjamin kestabilan insan dan sistem ekologi.

8 Al-Mukminun; 115: أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ

"Maka apakah kamu mengira, bahawa sesungguhnya Kami menciptakan kamu secara sia-sia, dan bahawa kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?" Dan firman Allah SWT dalam surah al-Qiyamah; 36 : أَحَسِبَ الْإِنْسَانُ أَنْ يَتْرَكَ سُدًى : bermaksud "Apakah manusia mengira, bahawa ia akan dibiarkan begitu saja (tanpa pertanggungjawaban)?"

9 Azman Che Omar. Pengurusan di Malaysia Dari Perspektif Islam. DBP. Kuala Lumpur. Hlm. 20.

3.1 Sudut Pandang Islam dalam Ekologi

Allah SWT telah menyatakan dalam al-Quran yang mulia bahawa hanya Dia-lah yang mencipta Ekologi dan sistem di alam ini serta yang memelihara segala kejadian di muka bumi ini. Senario kenyataan ini dapat kita telusuri dalam surah al-Ankabut ;19-20¹⁰, Yunus ; 34¹¹, al-Naml; 64¹², al-Baqarah; 22¹³, Qaf ; 6-7¹⁴, al-Hijr;19-21¹⁵, al-Furqan;2¹⁶ dan surah Lokman ; 10¹⁷.

3.2 Hukum- Hakam dalam Feqah Ekologi

Allah SWT cipta manusia sebagai khalifah berserta tanggungjawab kerana kemuliannya berbanding makhluk lain iaitu dengan ciptaan ‘akal’. Akal perlu dididik dengan agama, untuk menjaga dari pemikiran yang “terbabas”, sebab itu manusia perlu kepada Islam. Islam adalah agama yang menyediakan garis panduan untuk hidup dengan selamat di dunia ini. Oleh itu Feqah Ekologi adalah suatu kefahaman bagi mengurus kepentingan menjaga dan menggunakan ekologi secara adil. Justeru itu hukum-hakam berkaitan ekologi adalah secara umumnya berkaitan objek-objek yang berkaitan dengan ekologi dari sudut memelihara dan melindunginya dari pencemaran.¹⁸

3.3 Metodologi Pengurusan Ekologi

Kaedah mengurus dalam Islam adalah mengikut ketentuan Hukum Syarie. Maka dalam konteks pengurusan ekologi ini terdapat beberapa perkara yang telah ditentukan tahap-tahap keperluannya, seperti berikut:

(a) Dharuriyyat : Iaitu segala yang diperlukan untuk meneruskan kehidupan. Sekiranya

10 al-Ankabut ,19-20; أَوَلَمْ يَرَوْا كَيْفَ يُبْدِئُ اللَّهُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ (١٩) قُلْ مِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا
كَيْفَ بَدَأَ الْخَلْقَ ثُمَّ اللَّهُ يُنْشِئُ النَّشْأَةَ الْآخِرَةَ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (٢٠)

[19] “Dan apakah mereka tidak memperhatikan bagaimana Allah memulai penciptaan (makhluk), kemudian Dia mengulanginya (kembali pada hari Kiamat). Sungguh, yang demikian itu mudah bagi Allah.[20] Katakanlah “Berjalanlah di bumi, maka perhatikanlah bagaimana (Allah) memulai penciptaan (makhluk), kemudian Allah menjadikan kejadian yang akhir. Sungguh, Allah Mahakuasa atas segala sesuatu”.

11 Yunus , 34 : قُلْ هَلْ مِنْ شُرَكَائِكُمْ مَنْ يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ قُلْ اللَّهُ يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ فَاتَى تَوْفِكُمْ
“Katakanlah, “Adakah di antara sekutumu yang dapat memulai penciptaan (makhluk), kemudian mengulanginya (menghidupkannya) kembali?” Katakanlah, “Allah memulai (penciptaan) makhluk, kemudian mengulanginya. Maka bagaimanakah kamu dipalingkan (kepada menyembah selain Allah)”

12 al-Naml ; 64 : أَمْ نَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَمَنْ يَرْفُكُم مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَلَيْهَ مَعِ اللَّهُ قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ
“64. Bukankah Dia (Allah) yang menciptakan (makhluk) dari permulaannya, kemudian mengulanginya (lagi), dan yang memberikan rezeki kepadamu dari langit dan bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan (yang lain)? Katakanlah, “Kemukakanlah bukti kebenaranmu, jika kamu orang yang benar”

13 al-Baqarah; 22 : ٢٢) الَّذِينَ جَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَاءً فَاخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رَرَقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ
“22. Dialah yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagimu[10] dan langit[11] sebagai atap, dan Dialah yang menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Dia menghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai rezeki untukmu. Kerana itu janganlah kamu mengadakan tandingan-tandingan bagi Allah[12], padahal kamu mengetahuinya”.

14 Qaf ; 6-7 : أَلَمْ يَنْظُرُوا إِلَى السَّمَاءِ فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَاهَا وَزَيَّنَّاهَا وَمَا لَهَا مِنْ فُرُوجٍ (٦) وَالْأَرْضِ مَدَدْنَاهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ شَيْءٍ نَبَاتٍ
“6.Maka tidakkah mereka memperhatikan langit yang ada di atas mereka, bagaimana cara Kami membangunnya dan menghiasinya dan tidak terdapat retak-retak sedikit pun? 7. Dan bumi yang Kami hamparkan dan Kami pancangkan di atasnya gunung-gunung yang kokoh, dan Kami tumbuhkan di atasnya tanam-tanaman yang indah”

15 al-Hijr;19-21: وَالْأَرْضِ مَدَدْنَاهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ شَيْءٍ مَّوْرُودٍ (١٩) وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعَايِشَ وَمَنْ لَسْتُمْ لَهُ بِرَازِقِينَ (٢٠) وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا عِنْدَنَا خَزَائِنُهُ وَمَا نُنزِّلُهُ إِلَّا بِقَدَرٍ مَّعْلُومٍ (٢١)

[19]. Dan Kami telah menghamparkan bumi dan Kami menjadikan padanya gunung-gunung serta Kami tumbuhkan di sana segala sesuatu menurut ukuran.[20]. Dan Kami telah menjadikan padanya sumber-sumber kehidupan untuk keperluanmu, dan (Kami ciptakan pula) makhluk-makhluk yang bukan kamu pemberi rezekinya. [21]. Dan tidak ada suatu pun melainkan pada sisi Kami khazanahnya; Kami tidak menurunkannya melainkan dengan ukuran tertentu”.

16 al-Furqan;2 : الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَسْخُدْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا
“Yang memiliki kerajaan langit dan bumi tidak mempunyai anak, tidak ada sekutu baginya dalam kekuasaan(-Nya), dan Dia menciptakan segala sesuatu lalu menetapkan ukuran-ukurannya dengan tepat.”

17 Lokman ; 10:

خَلَقَ السَّمَاوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا وَاللَّيْلِ فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ رَوْحٍ كَرِيمٍ

“Dia menciptakan langit tanpa tiang sebagaimana kamu melihatnya, dan Dia meletakkan gunung-gunung (di permukaan) bumi agar ia (bumi) tidak menggoyangkan kamu; dan memperkembangbiakkan segala macam jenis makhluk bergerak yang bernyawa di bumi Dan Kami turunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan padanya segala macam tumbuh-tumbuhan yang baik”

18 Dr. ‘Abdullah Omar.1429h. Ahkam Al-Biah fi al-Fiqh al-Islami. Dar Ibnu al-Jauzi. Beirut. Hlm. 31.

keperluan ini tidak dapat dipenuhi maka akan rosaklah kehidupan seseorang itu. Contoh kepentingan air. *Daruriyyat* dalam konteks pengurusan ekologi: Menyediakan keperluan asas air yang bersih dan selamat dari sumber-sumber yang mencukupi.

- (a) *Hajjiyyat* : Iaitu segala yang diperlukan untuk mendatangkan kemudahan dan menghindari kesusahan. *Hajjiyyat* dalam konteks pengurusan ekologi boleh dikatakan seperti pembentungan atau perparitan yang bersistem.
- (b) *Tahsiniyyat*: Iaitu segala yang diperlukan adalah untuk menjadikan hidup lebih selesa. *Tahsiniyyat* dalam konteks pengurusan ekologi ianya seperti alat kemudahan penapis air , menyediakan alat penghawa dingin, menyediakan pembersih udara di tempat tinggal dan lain lain.

Secara asas dalam pengurusan Islam berobjektif umum kepada lima perkara asas iaitu menjaga agama, menjaga keselamatan jiwa (nyawa), menjaga keselamatan akal, menjaga keselamatan harta, menjaga keselamatan maruah.

3.4 Dasar Pengurusan Ekologi

3.4.1 *Pemilihan Manusia Sebagai Pengurus Alam*

Pemilihan tersebut merupakan satu perancangan yang telah ditetapkan seperti yang diwartakan oleh Allah SWT kepada Malaikat. Firman Allah swt surah al-Bakarah: 30 bermaksud:

"Ingatlah ketika Allah berfirman kepada malaikat. Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang khalifah di atas muka bumi"

3.4.2 *Melaksanakan Undang-Undang Islam Dalam Semua Aktiviti.*

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hajj: 41 yang bermaksud:

“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan”.

Dasar ciptaan manusia adalah untuk memakmurkan bumi dengan menggunakan sepenuh usaha, fikiran dan kewangan bagi menggali segala rezeki dan nikmat pemberian Allah swt dari perut bumi dan laut.

3.4.3 *Mencapai Tujuan Pensyariaan. [Maqasid syariah]*

Allah SWT menurunkan syariat-Nya untuk umat manusia dengan beberapa tujuan, matlamat, keperluan dan hikmah. Semuanya ini merangkumi di bawah satu istilah, iaitu Maqasid Syariah . Maqasid Syariah secara umumnya adalah rangkaian lima (5) prinsip Islam yang asas seperti yang telah disepakati oleh Imam Syartibi dan Al-Ghazali bahawa matlamat-matlamat syariat berkenaan merangkumi lima komponen maqasid yang sangat mustahak iaitu (i) *Hifz al-Din* (menjaga agama), (ii) *Hifz al-Nafs* (menjaga nyawa) (iii) *Hifz al-Aql* (menjaga akal), (iv) *Hifz al-Mal* (menjaga harta) dan (v) *Hifz al-Nasb* (menjaga keturunan)¹⁹.

19 Shaykh Muhammad al-Tahir Ibn Ashur, 2006. Maqasid al-Shariah al-Islamiah, Tunis: Dar al-Islam. Hlm.23

3.5 Objektif Pengurusan Ekologi

Manakala objektif dalam pengurusan ekologi berdasarkan perkara berikut:
Menjalankan tugas yang telah diamanahkan oleh Allah swt dengan adil dan memelihara perhubungan yang baik sesama makhluk.

- (a) Memakmurkan mukabumi ini dengan cara yang diredhai.
- (a) Melaksanakan syariah Islam iaitu menjalankan hukum-hukum Islam dengan adil.
- (b) Mencari keredhaan Allah SWT walaupun ketika berurusan dalam hal-hal duniawi.

3.6 Kepentingan Pengurusan Ekologi Menurut Pandangan Islam

Allah SWT telah menetapkan sistem ekologi dengan cara yang serasi dengan tugas asas untuk manusia di dunia dan keupayaannya untuk menangani alam sekitar. Ayat-ayat mengenai memanfaatkan dan mengimbangi ekologi ini terdapat banyak tempat di dalam Al-Quran seperti dalam surah *al-Ankabut*:61²⁰, *al-Jasiah*: 13²¹. Oleh itu sewajar masyarakat dididik dan diterapkan tentang kepentingan alam ciptaan Tuhan ini bagi melahirkan masyarakat yang bersyukur dan menghargai segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T.

Ekologi adalah penting kepada manusia serta semua hidupan lain kerana ia merupakan tempat segala aktiviti manusia termasuklah untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Ekologi terdiri daripada tiga sumber utama iaitu air, tanah dan udara. Semua sumber alam ini diperlukan untuk menjamin kehidupan manusia. Udara yang bersih amat diperlukan untuk pernafasan yang baik bagi menjamin kesihatan yang memuaskan. Begitu juga sumber air yang bersih amat penting untuk memenuhi keperluan harian manusia termasuklah untuk melakukan ibadat seperti mengambil wuduk dan sebagainya. Manakala, tanah yang subur juga penting untuk menjadikan hasil pertanian dan tumbuh-tumbuhan hidup segar dan boleh membekalkan udara yang bersih kepada manusia. Ekologi yang bersih juga penting untuk pertumbuhan mental dan fizikal yang baik.

3.7 Etika Islam Pengurusan Ekologi

Islam mengariskan asas pengurusan melalui firman Allah SWT dalam surah *Sajadah*:5²², *Yunus* :3²³ dan *an-Nisa* :48²⁴. Tidak ada dalam Al-Quran dan Sunnah secara terperinci menyatakan faktor yang menyebabkan pencemaran alam sekitar dan bencana, kerana keduanya adalah untuk panduan umum. Oleh itu Syariat Islam telah menyeimbangkan antara kepentingan yang bertentangan iaitu sejauh mana hak untuk harta tidak langgar hak manusia terhadap alam sekitar (Seperti melanggar hak pemilikan atas hak asasi manusia terhadap alam

20 *al-Ankabut*:61; وَلَئِنْ سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ فَأَنَّى يُؤْفَكُونَ

“Dan jika engkau bertanya kepada mereka "Siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan menundukkan matahari dan bulan?" Pasti mereka akan menjawab, "Allah." Maka mengapa mereka bisa dipalingkan (dari kebenaran)”

21 *al-Jasiah*: 13; وَسَخَّرَ لَكُمْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لآيَاتٍ لِقَوْمٍ يُتَفَكَّرُونَ

“13. Dan Dia menundukkan apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi untukmu semuanya (sebagai rahmat) dari-Nya. Sungguh, dalam hal yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang berfikir”

22 *Sajadah*:5; يُدَبِّرُ الْأَمْرَ مِنَ السَّمَاءِ إِلَى الْأَرْضِ ثُمَّ يَعْرُجُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ أَلْفَ سَنَةٍ مِمَّا تَعُدُّونَ

“Dia mengatur segala urusan dari langit ke bumi, kemudian (urusan) itu naik kepada-Nya dalam satu hari yang kadarnya (lamanya) adalah seribu tahun menurut perhitunganmu.”

23 *Yunus* :3

إِنَّ رَبَّكُمْ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ مَا مِنْ شَيْعٍ إِلَّا مِنْ بَعْدِ إِذْنِهِ

ذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ

“Sesungguhnya Tuhan kamu Dialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam hari, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arsy (singgasana) untuk mengatur segala urusan. Tidak ada yang dapat memberi syafa'at kecuali setelah ada izin-Nya. Itulah Allah, Tuhanmu, maka sembahlah Dia (saja). Apakah kamu tidak mengambil pelajaran?”

24 *an-Nisa*: 48; إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni dosa yang selain (syirik) itu, bagi siapa yang Dia kehendaki. Barang siapa yang mempersekutukan Allah, maka sungguh, ia telah berbuat dosa yang besar”

sekitar).²⁵ Justeru itu asas etika Islam dalam pengurusan adalah memberikan keadilan[*iaitu meletak sesuatu keputusan itu tepat/sesuai dengan tuntutan semasa*] dan dilaksanakan dalam urusan penghukuman dan juga terhadap mereka yang melanggar peraturan, antara bentuk-bentuk keadilan antaranya dalam bentuk hak bersamaan[hak keselamatan], berbeza[pada sudut keutamaan] dan istimewa[khusus kepada manusia], semua bentuk keadilan ini dapat dicapai dengan berpandukan kepada *qaedah feqah*, iaitu:

- (a) Setiap perkara bergantung kepada niat.
- (a) Keyakinan tidak terhapus dengan keraguan.
- (b) Kesulitan mengundang kesenangan.
- (c) Kemudaratan dihapuskan.
- (d) Adat kebiasaan dijadikan sumber hukum.

4.0 PENGURUSAN AIR

Al-Quran telah menyatakan peranan air dalam kehidupan alam ini, antaranya dalam surah *al-Anbiya:30*²⁶ . Kedudukan air adalah merupakan 70 % dari bahagian bumi. Namun 97% adalah air masin[*saltwater*] dan hanya 3% air tawar [*freshwater*]. Dari jumlah air tawar itu 70% adalah dalam bentuk ais, hampir 25% air tawar berada dalam bumi dan selebihnya kurang 5% air tawar itu boleh di dapati dari sungai dan tasik.²⁷ Faktor yang tidak dinafikan adalah pertambahan penduduk bumi dan seiring pula pertumbuhan aktiviti ekonomi dan soial terhadap penggunaan air hari ini, menatijahkan dunia bakal mengalami krisis sumber air bersih jika usaha pengurusan air tidak dilakukan. Di adakan Hari air Sedunia 2010 dengan tema *Clean Water for a Healthy World* bagi meningkatkan kesedaran penggunaan air.²⁸ Oleh sebab besarnya fungsi dan peranan air maka Islam telah menetap cara memanfaatkan nikmat air di alam ini, iaitu:

4.1 Penggunaan Untuk Ibadah

Air dalam bahasa arab al-Ma' [الماء]. Kalimah *al-Ma'* di sebut dalam al-Quran sebanyak enam puluh tiga[63] membuktikan kepentingannya²⁹. Tersirat banyak hikmah di sebalik keterangan al-Quran berkenaan ciptaan air. Antara dalam surah *al- anfal* ayat 11 menyatakan air bertujuan ibadah untuk menyucikan diri:

“dan Allah turunkan air dari langit untuk mensucikan diri mu[wuduk, mandi wajib dll]”.

4.2 Penggunaan untuk kehidupan

Kepentingan air dinyatakan dalam surah *al- Hijr* ayat 22:

“ kami turun air dari langit kemudian kami izinkan kamu meminumnya..”

25 Dalam kaedah Imam Sayuthi. Menyatakan *يزال الضرر* dan kaedah *عام يدفع ضرر* serta kaedah *على جلب* *درأ المفاسد مقدم على جلب المصالح*. Lihat al- Sayuthi. 1406h. *al-Asybah wa al-Nadhair*. Dar al-Kitab al-*arabi*. Hlm.83,87,105.

26al- *Anbiya:30* *أَفَلَا يُؤْمِنُونَ* *أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا* *وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ*

“Dan apakah orang-orang kafir tidak mengetahui bahawa langit dan bumi keduanya dahulu bersatu, kemudian Kami pisahkan antara keduanya; dan Kami jadikan segala sesuatu yang hidup berasal dari air; maka mengapa mereka tidak beriman”

27 Genieve. M.Carr, et.al.2008. *Water Quality for Ecosystem and Human Health*, 2nd Ed. Canada. UN Gems/ Water Programme office. Hlm. 1

28 Ibid.

29 Abdul Baqi. M.F.1987.al- Mu`jam al-Mufahras lil alfaz al-Quran al-Karem. Cairo. Darul Hadis. Hlm 141.

5.0 KAEDAH FIQH DALAM PENGURUSAN AIR

Asas kepada *Manhaj al-Taisir* (manhaj yang memudahkan) di dalam fiqh al-Islami, antaranya: Firman Allah SWT:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.
(Surah al-Baqarah: 286)

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu.
(Surah al-Taghabun: 16)

Firman Allah SWT:

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ

Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.

(Surah al-Haj: 78)

Dalam fiqh mazhab Syafie ada menyebut tentang sebab-sebab membolehkan tayammum antaranya ialah kerana keuzuran yang menghalang dari menggunakan air, seperti:

Terhalang daripada menggunakan air sama ada halangan yang nyata, seperti ada air di tempat yang berhampiran tetapi tidak jauh dari situ pula ada musuh yang ditakuti, ataupun ada halangan syara', iaitu seperti takut menggunakan air kerana bimbang terkena penyakit, dan melambatkan proses penyembuhan. Hal ini juga bertepatan dengan kaedah fiqhiyyah iaitu:

المشقة تجلب التيسير

Maksudnya: "Kesusahan akan membawa kepada kemudahan."

6.0 SYARAT DARURAT³⁰

- (a) Darurat tersebut benar-benar terjadi atau diramal kuat akan terjadi, tidak semata-mata dugaan atau andaian belaka.
- (b) Tidak ada pilihan lain yang boleh menghilangkan mudarat tersebut.
- (c) Kondisi darurat tersebut benar-benar memaksa untuk melakukan hal tersebut kerana dikhawatirkan akan hilang nyawa atau anggota badannya.
- (d) Perakara haram yang ia lakukan tersebut tidaklah menzalimi orang lain.
- (e) Memadai sekadar yang ia perlukan untuk menghilangkan mudarat dan tidak melampaui batas syarak.

30 Lihat Al-Burnu, Dr. Muhammad Shidqi bin Ahmad. 1416 H. Al-Wajiz fi Idhahi Qawa'id Al-Fiqh Al-Kuliyyah. Muassasah Ar-Risalah: Beirut – Lebanon. Cetakan ke-4. Halaman 233, Az-Zuhaili, Dr. Muhammad. 1427 H. Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tathbiqatuha fi al-Madzahib al-Arba'ah. Dar al-Fikr: Damaskus – Suriah. Cetakan ke-1. Jilid ke-1. Halaman 277

7.0 KEUTAMAAN KEHIDUPAN DALAM AGAMA

Dalam hal ini Sheikh Ali Jum'ah menyebut pendapat beberapa alim silam dalam karya mereka bagi menyokong pendirian yang mendahulukan pemeliharaan nyawa atau kepentingan dunia daripada pemeliharaan dan kepentingan agama, antaranya:

Al-Subki (*Sharh Al-Minhaj*), Al-Razi (*Al-Mahsul*), Al-Amidi (*Al-Ihkam*), Ibn Al-Hajib (*AlMukhtasar*), Al-Isnawi (*Al-Tamhid*), Ibn Amir Al-Haj (*Al-Taqrir wa Al-Tahbir*), dan Al-Zarkashi (*Al-Bahr Al-Muhit*).³¹ Antara sebab perbezaan ini terletak pada apa yang dimaksudkan dengan agama. Beliau berpegang pada pendapat yang merujuk erti agama pada kewajipan ibadah khusus seperti dalam rukun Islam yang lima, dan bukan agama Islam secara keseluruhannya. Ulama yang mendahulukan hak manusia dan kepentingan dunia tidak menjadikan hak Allah SWT dan kepentingan agama sebagai satu-satunya faktor keutamaan. Mereka bertanggapan perlu juga dinilai sejauh mana seriusnya atau besar kepentingan hak Allah SWT dan agama dan kesannya berbanding dengan kepentingan yang melibatkan hak manusia dan dunia serta kesannya juga.

8.0 PENCEMARAN AIR

Beberapa punca kerosakan dan pencemaran air adalah dari sikap manusia. Wahyu Allah SWT jelas terpapar dalam al-Qur'an, dalam Surah *al-Ma'idah*, ayat 33 yang bermaksud:

"Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi...". Antaranya adalah:

- (a) Sikap tamak iaitu Berkaitan dengan sifat tamak manusia ini, Allah (s.w.t.) telah memberi amaran yang keras dalam Surah *al-Takathur*, ayat 1 hingga 8, yang sebahagian ayat-ayat itu bermaksud:

"Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyakbanyaknya (harta benda, anak pinak, pangkat dan pengaruh), sehingga kamu masuk kubur.....Selain dari itu, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu (hari Kiamat), tentang segala nikmat (yang kamu telah menikmatinya)"

- (b) Tidak jujur, Seterusnya Allah (s.w.t.) menjelaskan lagi sifat orang yang pepat di luar, tetapi rencong di dalam, dalam Surah *al-Baqarah*, ayat 204, 205 yang bermaksud:

"Dan di antara manusia ada orang yang tutur katanya mengenai hal kehidupan dunia, menyebabkan engkau tertarik hati (mendengarnya), dan ia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya, padahal ia adalah orang yang sangat-sangat keras permusuhannya (kepadamu). Kemudian apabila ia pergi (dengan mendapat hajatnya), berusaha ia di bumi untuk melakukan bencana padanya, dan membinasakan tanam-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia); sedang Allah

³¹ Dr. Ali Jum'ah *Ru'yah Fiqhiyah Hadhariyah Li Tartib Al-Maqasid Al-Shar'iyah* (Perspektif Fiqah Masa Kini Mengenai Urutan Tujuan-Tujuan Utama Syariah), 2010.

tidak suka kepada bencana kerosakan".

Seperti pencerobohan alam sekitar seperti penggondolan bukit bukau di kawasan tadahan air bagi empangan empangan tertentu yang menyebabkan pencemaran air tidak dipersetujui oleh masyarakat setempat dan pejuang-pejuang perlindungan alam sekitar, maka ia sebenarnya juga ditentang dan disanggah oleh Islam.

- (c) Keliru dengan tujuan atau niat, keduanya merupakan faktor utama penentuan amalan seseorang sama ada baik atau buruk. Dalam Islam kebaikan sesuatu amalan tidak hanya bergantung kepada aspek luaran semata-mata tetapi juga berkait rapat dengan aspek dalaman iaitu keikhlasan hati semata-mata kerana Allah SWT seperti tindakan nelayan mencari rezeki yang halal tetapi dengan cara menuba ikan tidak boleh diterima kerana menuba ikan boleh membunuh banyak spesies-spesies ikan yang tidak diperlukan dan boleh mendatangkan musibah kepada manusia serta menimbulkan masalah pencemaran air.

9.0 PENGURUSAN TANAH

Ditinjau dari sudut kronologi masa, sejak manusia menduduki bumi ini hubungannya dengan tanah sentiasa berubah dari zaman ke zaman dan dari masa ke masa. Satu ketika dahulu tanah menjadi simbol kekayaan. Selepas berakhir zaman feodal hingga perang dunia kedua, tanah sudah menjadi satu komoditi bernilai tinggi dan ianya sering diperdagangkan. Dalam zaman pasca perang dunia kedua, apabila tanah mula dianggap sebagai sumber yang berkurangan, sikap manusia pada tanah telah berubah lagi. Akhirnya, mulai penghujung kurun ke-20 hingga sekarang, tanah dilihat dari sudut keperluan masyarakat. Akhirnya timbul kesedaran bahawa tanah perlu dibangunkan secara mampan atau lestari³². Ini disebabkan tanah bukan sekadar dijadikan tempat manusia memulakan hidup dengan mendirikan tempat kediaman di atasnya tetapi juga sebagai tempat manusia memperolehi sumber makanan dan air demi kesinambungan kehidupannya.

Sebagaimana firman Allah dalam Surah Hud: 61 yang bermaksud:

“Dia yang menghidupkan kamu di muka bumi ini dan memerintahkan supaya kamu membangun dan membina kehidupan yang harmoni di atasnya”,

Selain itu juga, tanah adalah merupakan amanah Allah yang perlu diurus dengan sebaik mungkin oleh pemiliknya kerana ia akan dipertanggungjawabkan oleh Allah S.W.T di akhirat nanti³³ jika ianya tidak ditadbir dan diurus dengan baik akan mendatangkan kesan negatif kepada sistem sosial, ekonomi sesebuah negara. Dalam aspek penjagaan dan pengurusan tanah iaitu fokus dalam perbincangan kertas ini, penekanan terhadap pengurusan harta bumi seperti pemilikan dan penguasaan harta. Tidak dapat dinafikan bahawa kehidupan yang sempurna bagi seseorang manusia juga amat berkait rapat dengan pemilikan dan penguasaan terhadap harta. Menyedari hakikat inilah, syariah Islam telah menggariskan peraturan, hukum dan undang-undangnya yang tersendiri dalam soal

³² Salleh Buang, 2008. *Pusat Maklumat Bersepadu Hartanah Negara*. Kertas Kerja Konvensyen Hartanah Bumiputera 2008. PWTC. Kuala Lumpur.

³³ Naziruddin Abdullah, 2005. Polisi Pentadbiran dan Pengurusan Tanah : Analisis Perbandingan Antara Kanun Tanah Negara dan Hukum Islam. *Jurnal Syariah*, 13:2. Hlm. 125-145.

kehartaan. Ianya dibincangkan secara meluas di dalam disiplin dan bidangnya yang tersendiri yang dikenali sebagai Fiqh Muamalat Umumnya, bidang ini telah menggariskan prosedur-prosedur tertentu bermula sejak dari usaha untuk memiliki, menguasai dan membelanjakan sesuatu harta³⁴. Syariah Islam menegaskan mengenai kepentingan untuk mencari kekayaan daripada nikmat dan anugerah Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Qasas ayat 77 yang bermaksud:

"Dari carilah dengan apa yang dikumiakan oleh Allah kepada engkau untuk kebahagiaan Hari Akhirat dan janganlah engkau lupa akan bahagianmu di dunia..."

9.1 Zaman Rasullullah

Gambaran bagaimana urusan pentadbiran tanah diimplementasikan dari perspektif Islam memerlukan kita melihat secara selang pandang bagaimana ianya diuruskan oleh pemimpin Agung umat Islam iaitu Rasullullah S.A.W. Isu pentadbiran tanah pada zaman Rasulullah mula mengambil tempat apabila berlaku penaklukan secara aman ke atas tanah Bani Nadir. Tanah ini telah ditadbir secara eksklusif oleh Rasulullah sebagai harta *al-fay*. Kemudian pada tahun 7 Hijrah berlaku penaklukan ke atas tanah orang Yahudi di Khaybar. Tanah tersebut telah ditinggalkan oleh Rasulullah kepada penduduk Khaybar untuk diusahakan secara kontrak "Musaqat".³⁵ Bagi menguruskan pentadbiran tanah di wilayah-wilayah takluk Islam. Rasulullah S.A.W. telah melantik Gabenor. Di antara yang terkenal ialah Muadh bin Jabal, Abu Musa Asyari, Yazid bin Abu Sufyan dan Amar Ibn Al-As. Apabila timbul masalah yang berhubung kait dengan urusan tanah keputusan yang dianggap "binding" datangnya dari Rasulullah S.A.W. yang mana diasaskan kepada wahyu yang diturunkan oleh Allah. Manakala, selepas kefawatan Rasulullah secara spesifiknya urusan pentadbiran tanah dipertanggungjawabkan dan dipindahkan kepada Khalifah yang merupakan pegawai eksekutif tertinggi yang memimpin umat Islam. Sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. turut semasa hayatnya, Khalifah yang memimpin umat Islam selepas kewafatan Rasulullah S.A.W. turut mendelegasikan kuasa pentadbiran kepada Menteri (Wazir), Gabenor dan Pegawai-pegawai di pelbagai Jabatan Pentadbiran termasuk hal ehwal tanah. Khalifah mempunyai kuasa pemutus kepada masalah pentadbiran. Beliau akan meneruskan apa yang telah diputuskan oleh Rasulullah S.A.W., jika masalah tersebut mempunyai persamaan dengan masalah yang dikemukakan kepada Rasulullah. Seperti yang diriwayatkan oleh Abu Yusuf, Umar telah menghantar satu delegasi yang terdiri daripada tiga orang ke Iraq. Seorang daripadanya ditugaskan untuk memimpin iman sembahyang dan peperangan, seorang ditugaskan dalam pentadbiran keadilan dan perbendaharaan, manakala seorang lagi ditugaskan bagi mengukur tanah-tanah baru yang akan dikenakan cukai. Dalam era pentadbirannya, Umar juga telah menggalakkan pembukaan tanah-tanah baru dengan memberikan hak milik kepada sesiapa yang mengusahakan tanah tersebut secara produktif. Terdapat beberapa polisi atau dasar pengurusan dan pentadbiran tanah yang diperkenalkan oleh Umar, dan satu isu yang mempunyai pertautan langsung dengan polisi pentadbiran tanah dari perspektif Islam ialah kaedah dan prinsip pengagihan tanah.³⁶

³⁴ Op.cit. Shaykh Muhammad al-Tahir Ibn Ashur,

³⁵ Op.cit.

³⁶ Ibid.

9.2 Kepemilikan Tanah dan Implikasinya

Dalam pandangan Islam, segala sesuatu yang ada di langit dan bumi –termasuk tanah– hakikatnya adalah milik Allah SWT semata. Firman Allah SWT (ertinya):

“Dan kepunyaan Allah-lah kerajaan langit dan bumi dan kepada Allah-lah kembali (semua makhluk).”

(QS An-Nuur: 42).

Ayat-ayat tersebut menegaskan bahwa pemilik hakiki dari segala sesuatu (termasuk tanah) adalah Allah SWT semata³⁷. Firman Allah SWT (ertinya):

”Dan nafkahkanlah sebagian dari hartamu yang Allah telah menjadikan kamu menguasainya.”

(QS Al-Hadid [57] : 7)

Dalam menafsirkan ayat ini, Imam Al-Qurthubi berkata, “Ayat ini adalah dalil bahwa asal usul kepemilikan (*ashlul milki*) adalah milik Allah SWT, dan bahwa manusia tidak mempunyai hak kecuali memanfaatkan (*tasharruf*) dengan cara yang diredhai oleh Allah SWT.”³⁸

Kajian ulamak berkaitan hal pengurusan tanah telah banyak ditulis.³⁹ Kepemilikan (*milkiyah, ownership*) dalam Syariah Islam didefinisikan sebagai hak yang ditetapkan oleh Allah SWT bagi manusia untuk memanfaatkan suatu benda. (*idznu asy-Syari’ bi al-intifa’ bil-’ain*).⁴⁰ Syariah Islam telah mengatur persoalan kepemilikan tanah secara tafsil, dengan mempertimbangkan 2 (dua) aspek yang terkait dengan tanah, iaitu : (1) zat tanah (*raqabah al-ardh*), dan (2) manfaat tanah (*manfaah al-ardh*), yakni penggunaan tanah untuk pertanian dan sebagainya. Dalam Syariah Islam ada 2 (dua) macam tanah iaitu : (1) tanah *usyriah (al-ardhu al-’usyriyah)*⁴¹, dan (2) tanah *kharajiyah (al-ardhu al-kharajiyah)*.⁴² Tanah *usyriah* ini adalah tanah milik individu, baik zatnya (*raqabah*), maupun pemanfaatannya (*manfaah*). Maka individu boleh memperjualbelikan, menggadaikan, menghibahkan, mewariskan, dan sebagainya.

Pemeliharaan alam tabii merupakan satu elemen yang penting untuk memastikan kesinambungan kehidupan manusia di dunia ini. Dalam Islam, kehidupan manusia tidak hanya terbatas kepada hubungan sesama manusia tetapi manusia juga diwajibkan menjalinkan hubungan yang baik dengan alam tabii. Kesejahteraan hidup yang dinikmati oleh manusia adalah akibat daripada hubungan harmoni antara manusia dan alam sekitarnya.

³⁷ Yasin Ghadiy, *Al-Amwal wa Al-Amlak al-’Ammah fil Islam*, hlm. 19

³⁸ Lihat al-Qurtubi *Tafsir Al-Qurthubi*, Juz I. hlm. 130.

³⁹ Para fuqaha itu misalnya Imam Abu Yusuf (w. 193 H) dengan kitabnya *Al-Kharaj*, Imam Yahya bin Adam (w. 203 H) dengan kitabnya *Al-Kharaj*, dan Imam Abu Ubaid (w. 224 H) dengan kitabnya *Al-Amwal*. Sebahagian ulama seperti Imam Al-Mawardi (w. 450 H) membahas isu pertanahan dalam kitabnya *Al-Ahkam Al-Sulthaniyah* juga membahas hukum tata negara menurut Islam. Demikian pula Imam Abu Ya’la (w. 457 H) dalam kitabnya *Al-Ahkam Al-Sulthaniyah*. Di masa modern hari ini tidak sedikit ulama yang membahas hukum pertanahan dalam perspektif Islam. Misalnya Abdul Qadim Zalum (w. 2003) dalam kitabnya *Al-Amwal fi Daulah al-Khilafah*, Athif Abu Zaid Sulaiman Ali dalam kitabnya *Ihya` Al-Aradhi al-Mawat fi al-Islam (1416 H)*, dan Amin Syauman dalam kitabnya *Bahtsun fi Aqsam Al-Aradhiin fi Asy-Syariah Al-Islamiyah wa Ahkamuhaa (t.t.)*.

⁴⁰ Lihat Al-Nabhani, *An-Nizham Al-Iqtishadi fi Al-Islam*, hlm. 73.

⁴¹ Tanah *Usyriah* adalah tanah yang penduduknya masuk Islam secara damai tanpa peperangan, contohnya Madinah Munawwarah. Termasuk tanah *usyriah* adalah seluruh Jazirah Arab yang ditaklukkan dengan peperangan, misalnya Makkah, juga tanah mati yang telah dihidupkan oleh seseorang (*ihya` ul mawat*). Lihat Al-Nabhani, *Al-Syakhshiyah Al-Islamiyah*, Juz II hal. 237.

⁴² Tanah *Kharajiyah* adalah jika tanah di daerah tersebut diperoleh karena daerah atau negara tersebut ditaklukkan oleh negara Islam (*Ad-Daulah Al-Islamiyah*) melalui peperangan. Lihat juga Al-Nabhani, *Al-Syakhshiyah Al-Islamiyah*, Juz II. hlm 237

Setiap kali manusia menarik nafas maka bahan yang disedut ialah gas oksigen. Gas oksigen ini dihasilkan oleh tumbuh-tumbuhan. Sebaliknya, tumbuh-tumbuhan sendiri menghasilkan gas oksigen daripada karbon dioksida yang di dapati daripada manusia dan haiwan.

9.3 Cara-Cara Memperoleh Kepemilikan Tanah

Dalam Syariat Islam tanah dapat dimiliki dengan 6 (enam) cara menurut hukum Islam, iaitu melalui : (1) jual beli, (2) waris, (3) hibah, (4) *ihya`ul mawat* (menghidupkan tanah mati), (5) *tahjir* (membuat batas pada tanah mati), (6) *iqtha`* (pemberian negara kepada rakyat)⁴³. Mengenai jual-beli, waris, dan hibah sudah jelas. Adapun *ihya`ul mawat* ertinya adalah menghidupkan tanah mati (*al- mawat*). Pengertian tanah mati adalah tanah yang tidak ada pemilikinya dan tidak dimanfaatkan oleh seorang pun. Menghidupkan tanah mati, ertinya memanfaatkan tanah itu, misalnya dengan bercucuk tanam padanya, menanaminya.

9.4 Hilangnya Hak Kepemilikan Tanah Pertanian

Syariat Islam menetapkan bahwa hak kepemilikan tanah pertanian akan hilang jika tanah itu dibiarkan[tidak dimanfaatkan] selama tiga tahun berturut-turut. Negara akan menarik pemilikan tanah itu dan memberikan kepada orang lain yang mampu mengusahakan.⁴⁴ Umar al-Khattab pernah berkata, “*Orang yang membuat batas pada tanah (muhtajir) tak berhak lagi atas tanah itu setelah tiga tahun dibiarkan.*” Umar pun melaksanakan ketentuan ini dengan menarik tanah pertanian milik Bilal bin Al-Harits Al-Muzni yang terbiar tiga tahun. Para sahabat menyetujuinya sehingga menjadi *Ijma’ Sahabat* (kesepakatan para sahabat Nabi SAW) dalam masalah ini.⁴⁵ Pencabutan hak milik ini tidak terbatas pada tanah mati (*mawat*) yang dimiliki dengan cara *tahjir* (pembuatan batas) saja, namun juga meliputi tanah pertanian yang dimiliki dengan cara-cara lain atas dasar *Qiyas*. Misalnya, yang dimiliki melalui jual beli, waris, hibah, dan lain-lain. Sebab yang menjadi alasan hukum (*illat*,) dari pencabutan hak milik bukanlah cara-cara memilikinya, tetapi kerana terbiar selama tiga tahun (*ta`thil al-ardh*)⁴⁶.

9.5 Pemanfaatan Tanah (*at-tasharruf fi al-ardh*)

Syariah Islam mengharuskan pemilik tanah pertanian untuk mengusahakannya sehingga tanahnya produktif. Kerajaan pula membantunya dalam penyediaan kemudahan untuk penghasilan produk pertanian, seperti keputusan Khalifah Umar bin Khathab memberikan bantuan kemudahan pertanian kepada para petani Irak untuk mengusahakan tanah pertanian mereka. Jika pemilik tanah itu tidak mampu mengusahakannya, dianjurkan untuk diberikan kepada orang lain tanpa pampasan. Nabi SAW bersabda, “*Barangsiapa mempunyai tanah (pertanian), hendaklah ia mengusahakannya, atau memberikan kepada saudaranya.*”⁴⁷ Jika pemilik tanah pertanian membiarkan tanahnya selama tiga tahun, maka hak kepemilikannya akan hilang, sebagaimana telah diterangkan sebelumnya.

⁴³ Al-Maliki, As-Siyasah al-Iqtishadiyah al-Mustla, hlm. 51

⁴⁴ Al-Nabhani, ibid., Juz II hal. 136

⁴⁵ Al-Nabhani, ibid., hlm. 241

⁴⁶ Al-Nabhani, An-Nizham Al- Iqtishadi fi Al-Islam, hlm. 139

⁴⁷ Hadis Mutafaq ‘alaih , Riwayat Ahmad ,an-Nasai, Ibnu Majah;

عن جابر رضي الله عنه قال :كانت لرجال منا فضول أرضين فقالوا، نؤاجرها بالثلث والرابع والنصف فقال: النبي صلى الله عليه وسلم من كانت له أرض فليزرعها أو ليمنحها أخاه، فإن أبي فليمسك أرضه متفق عليه. ورواه أحمد والنسائي وابن ماجه

9.6 Tanah Yang Memiliki Galian Mineral

Tanah yang di dalamnya ada **Galian Mineral**, misalkan minyak, emas, perak, tembaga, dan sebagainya, ada 2 (dua) kemungkinan : (1) tanah itu tetap menjadi milik pribadi/negara jika hasil galian sedikit. (2) tanah itu menjadi milik umum jika hasil galiannya banyak. Nabi SAW pernah memberikan tanah bergunung dan lombong[ada bahan galian] kepada Bilal bin Al-Harits Al-Muzni. Ini menunjukkan tanah yang ada bahan galian boleh dimiliki individu jika galiannya mempunyai nilai yang sedikit. Nabi SAW pernah memberikan tanah bergalian garam kepada Abyadh bin Hammal. Setelah diberitahu para sahabat bahawa hasil galian itu sangat banyak, maka Nabi SAW menarik kembali tanah itu dari Abyadh bin Hammal. Ini menunjukkan tanah dengan galian yang besar kuantiti menjadi milik umum yang diurus tadbir negara, tidak boleh dimiliki dan dikelola oleh individu (swasta).⁴⁸

10.0 PENGURUSAN ALAM TUMBUHAN

Hukum Berinteraksi dengan alam [ekologi sistem] menurut perspektif Islam. Manusia diberi kemudahan oleh Allah S.W.T. untuk memanfaatkan setiap inci alam selagi mana ia tidak dilarang secara khusus⁴⁹ tidak digunakan untuk tujuan yang salah⁵⁰ tidak memberikan kesan yang memudaratkan diri mahupun orang lain⁵¹, dan; tidak digunakan secara berlebihan⁵²

10.1 Larangan Merosakkan Alam Sekitar

Barangkali, akar-akar metafizika dan falsafah yang lemah yang dijelmakan dalam sikap terhadap alam sekitar telah menyebabkan tamaddun moden pada hari ini lebih membawa malapetaka, bukannya kesejahteraan. Ini diakui sendiri oleh al-Qur'an dalam surah al-Rum: 41.9⁵³. Untuk membetulkannya, pembangunan harta tanah mesti kembali kepada konsep Islam. Islam mempunyai asas yang kukuh dalam soal etika tentang alam sekitar. Pada dasarnya, pembangunan harta tanah yang merosakkan alam adalah dilarang oleh Islam. Dasar hukum sedemikian adalah berdasarkan makna-makna zahir ayat al-Qur'an seperti *al-Baqarah*: 195;⁵⁴ *al-A'raaf*: 57;11⁵⁵ dan; *al-Qasas*: 77.12⁵⁶ Maka, menurut al-Syeikh Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi, menjaga alam sekitar itu adalah fardhu⁵⁷.

48 Al-Nabhani, ibid. hlm. 220

49 Surah al-Baqarah, 2:168 : يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Surah al-Baqarah, 2:172; يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِنَّ كُنتُمْ لِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Surah al-Anfal, 8:69; فَكُلُوا مِمَّا غَنِمْتُمْ حَلالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

50 Surah al-Ma'idah, 5:87; يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُحَرِّمُوا طَيِّبَاتِ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

Surah al-Tahrim, 66:1; يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكَ تَبْتَغِي مَرْضَاةَ أَزْوَاجِكَ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

51 Surah al-Baqarah, 2:195; وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْفُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْتِهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا

Surah al-Nisa', 4:29; يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُم بَيْنَكُم بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

52 Surah al-Furqan, 67; وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

Surah al-A'raf, 7:31; يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

53 ظهر الفساد في البر والبحر بما كسبت أيدي الناس ليذيقهم بعض الذي عملوا لعلهم يرجعون

54 ولا تُلْفُوا بأيديكم إلى التهلكة وأحسنوا إن الله يحب المحسنين

55 *al-A'raaf*: 57; كَلَّا... وَالَّذِينَ إِذَا أَقْلَتُوا سَحَابًا تَقَالَا سُقْنَاهُ لِوَالِدٍ مُّيمْتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ كَذَلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَى لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

56 *al-Qasas*: 77.12... وَلَا تَتَّبِعِ الْقَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

57 *al-Qaradawi*. 2001. *Ri'ayatul al-Biah fi Syariat al-Islam*. Maktabah Dar al-Masruq.

11.0 SARANAN

Telah banyak penulisan dan kajian bidang alam sekitar⁵⁸ dari perspektif pelbagai agama seperti Islam, Kristian, Budha, Hindu juga Shinto⁵⁹ Namun, undang-undang Islam dilihat lebih universal. Malah, World Health Organization (WHO) juga telah mempromosikan pendekatan undang-undang Islam berkaitan air dan sanitasi.⁶⁰

12.0 RUJUKAN

- Abdul Baqi.1987.al- Mu'jam al-Mufahras lil alfaz al-Quran al-Karem. Cairo. Darul Hadis.
- Abdul Hakim Mohammed, Abdul Hamid Hj. Mar Iman & Adibah Awang (2009). Pembangunan Harta Tanah dan Pelestarian. Seminar Pembangunan Harta Tanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam. Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur.
- Al- 'Asqalani.1995. Al-talkhis al-habir. Bab Ihya' al-mawat. Muassasah Qurtubah
- Al- Sayuthi, 1406h. al-Asybah wa al-Nadhair. Dar al-Kitab al-'arabi.
- Al-Burnu, Dr. Muhammad Shidqi bin Ahmad. 1416 H. Al-Wajiiz fi Idhahi Qawa'id Al-Fiqh Al-Kuliyah. Muassasah Ar-Risalah: Beirut – Lebanon. Cetakan ke-4.
- Al-Maliki. 'Abdurrahman, As-Siyasah al-Iqtishadiyah al-Mustla. Al-Hizb al-Tahrir..
- Al-Nabhani, Al- Syakhshiyah Al-Islamiah, Juz II. Dar al-Ummah lilnasyr wal tauzi'.
- Al-Nabhani, Taqiyuddin. 1953. An-Nizham Al- Iqtishadi fi Al-Islam. Al-Hizb al-Tahrir.
- Al-Qardawi, Yusuf (1993). Al-Fatawa al-Mu'asirah, Juzu' 2, al-Qahirah: Dar al-Wafa', al-Mansura.
- Al-Quran
- Al-Qurtubi, Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakar al-Anshari Tafsir Al-Qurthubi. Muassah al-Risalah.
- Al-Tahir, Muhammad Ibn Ashur (2006), Maqasid al-Shariah al-Islamiah, Tunis: Dar al-Islam.
- Al-Zuhayli, Wahbah (2007), Al-Fiqh al-Islami wa 'Adillatuh, Juzu' 8, Beirut: Dal al-Fikr.
- Ariffin Sabirin (2008). Pengurusan Harta Pusaka. Majalah Usahawan Sukses.
- Awang, M. R. (2008). Faraid: Manifestasi Kesyumulan Pengurusan Harta dalam Islam. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Faraid dan Hibah.
- Azman Che Omar.Pengurusan di Malaysia Dari Perspektif Islam. DBP. Kuala Lumpur.
- Az-Zuhaili, Dr. Muhammad, 1427 H. Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tathbiqatuha fi al-Madzahib al-Arba'ah. Dar al-Fikr: Damaskus – Suriah. Cetakan ke-1. Jilid ke-1.
- Dr. 'Abdullah Omar.1429h. Ahkam Al-Biah fi al-Fiqh al-Islami. Dar Ibnu al-Jauzi. Beirut.
- Dr. al-Hifar. 1431h. Al- Biah min ajli al-baqa. Dar- as-saqaf ah lilnasyr wal tauzi'.
- Dr. Ali Jum'ah, Ru'yah Fiqhiyah Hadhariyah Li Tartib Al-Maqasid Al-Shar'iyah . [Perspektif Fiqah Masa Kini Mengenai Urutan Tujuan-Tujuan Utama Syariah] 2010.
- Dr. al-Salum. Al-Biat wa al-Tanmiah
- Dr.Ali Hasan Musa.1417h . al-Talwus al-Bi'e. Dar al-Fikr, Cet.2.

⁵⁸ Seperti karya A.R. Agwan berjudul *Islam and Environment* , Fazlun Khalid & Joanne O'Brien, *Islam and Ecology* ; Ahmad Ar-Raisouni, *Environmental Studies Some Problems Analyzed from The Islamic Point of View* , Dalilah Dali & Abu Bakar Yang, *Alam Sekitar Augerah Tuhan*; Fachruddin M. Mangunjaya, *Menanam Sebelum Kiamat: Islam, Ekologi dan Gerakan Lingkungan Hidup*; Mujiyono Abdillah, *Agama Ramah Lingkungan Perspektif al-Quran*, Abu Bakar Abdul Majeed dan Abu Bakar Yang, *Pengurusan Bijak Alam Sekitar*; Abu Bakar Yang, *Islam dan Pembangunan Habitat di Malaysia*. Zahari b. Mahad Musa bertajuk *Fiqh al-Bi'ah: Prinsip Pembangunan Komuniti dengan Alam Persekitaran yang Lestari*; Aplikasi Kaedah Fiqh dalam Pemuliharaan Alam Sekitar: Kajian Kes Program Kitar Semula di Seksyen 20, Shah Alam, Selangor; *Konsep dan Dimensi Alam Sekitar: Kupasan Dasar-dasar Islam dalam Pemeliharaannya berdasarkan Al-Quran dan Sunnah dan Indeks Kualiti Air dari Perspektif Islam*.

⁵⁹ Mohd Zuhdi Marsuki (2002), *Etika Alam Sekitar Menurut Perspektif Islam*, Timur dan Barat. Bentong: PTS Publication. hh. 87-95. 12 WHO,

⁶⁰ <http://apps.who.int/bookorders/anglais/detart1.jsp?sesslan=1&codlan=1&codcol=46&codcch=2014>, 7 Julai 2009

- Md. Yazid Ahmad & Iknor Azli Ibrahim (2008). Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dalam Kes Tuntutan Harta Orang Islam di Malaysia.
- Mohd Ridzuan Awang (2009). Faraid Manifestasi Kesyumulan Pengurusan Harta dalam Islam. Jabatan Syariah. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Mohd Zamro Muda & Mohd. Ridzuan Awang. (2006). Undang-Undang Pusaka Islam : Pelaksanaan di Malaysia. Jabatan Syariah. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Muhamad al-Sayed al-Arnaut.1420h. Al-insan wa al-talwaus al-biat.Dar al-Misriah al-Lubnaniah. Cet.4.
- Naziruddin Abdullah, (2005). Polisi Pentadbiran dan Pengurusan Tanah : Analisis Perbandingan Antara Kanun Tanah Negara dan Hukum Islam. Jurnal Syariah, 13:2. m/s 125-145.
- Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad (2013). Pengurusan Harta Melalui Hibah : Kepentingan dan Manfaat dari Pelbagai Aspek untuk Kemajuan Ummah.
- Salleh Buang (2008). Pusat Maklumat Bersepadu Hartanah Negara. Kertas Kerja Konvensyen Hartanah Bumiputera 2008. PWTC Kuala Lumpur.
- Soleh 'abd 'aziz. 2000. Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah. Riyad ; Darul Salam lil nasr wa tauzi'.
- Wan Harun, W. A. H. (2011). Mengurus Harta Pusaka - Asas Pembahagian Harta Cara Faraid. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn.
- Yazid Ahmad & Iknor Azli Ibrahim (2009). Konsep Harta Menurut Perspektif Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Sivil : Satu Tinjauan.